

**TEKS UCAPAN
Y.BHG. PROF. DATUK WIRA DR. RAHA ABDUL RAHIM
NAIB CANSELOR
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

**MAJLIS PENYAMPAIAN SIJIL DAN PINGAT ITEX 2020
23 DISEMBER 2020 4.00 PETANG
BILIK JAMUAN UTAMA**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam
Sejahtera

1. Ybhg. Profesor Dr. Ghazali bin Omar

Menjalankan Fungsi Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan
dan Inovasi)

2. Ybhg. Prof. Madya Dr. Muhammad Herman bin Jamaluddin

Pengarah Pusat Pengkomersilan (UCC)

Para penyelidik yang diraikan, hadirin hadirat sekalian.

TALKING POINTS

1. Tahniah dah syabas kepada semua penyelidik UTeM yang telah berjaya mencapai kecemerlangan dalam Malaysia Technology Expo (MTE) 2020 Special Edition – COVID-19 dan

The 31st International Invention, Innovation and Technology Exhibition – ITEX 2020 yang diadakan secara atas talian.

2. Alhamdulillah, untuk MTE 2020 Special Edition, UTeM telah merangkul Special Foreign Award untuk Euro Business Haller dan Emas untuk produk UTeM COVID-19 Screening Booth. Tahniah diucapkan kepada Prof. Madya Dr. Kok Swee Leong (FKEKK).

3. Bagi ITEX 2020, UTeM berjaya dianugerahkan dengan 10 Emas, 4 Perak dan 3 Gangsa. Bagi pihak Universiti, saya ucapkan setinggi-tinggi syabas dan tahniah kepada para penyelidik yang bertungkus lumus menghasilkan produk inovasi yang berkualiti, seterusnya diiktiraf sehingga ke peringkat antarabangsa.

4. Diharapkan penghasilan produk penyelidikan inovatif yang cemerlang ini tidak terhenti di sini, kerana kecemerlangan seumpama ini hendaklah berterusan selagi mana tuan puan bergelar ahli akademik dan penyelidik di Universiti ini.
5. UTeM sentiasa menyokong dan menggalakkan para penyelidik Universiti ini untuk terus aktif mencipta dan menghasilkan lebih banyak produk penyelidikan yang bukan sahaja memiliki nilai pengkomersilan yang tinggi malah turut memanfaatkan kepada rakan industri dan masyarakat setempat.

6. Inilah semangat yang Universiti inginkan semaikan dalam diri setiap warga Universiti khususnya para penyelidik. Selain aktif dan dedikasi dalam proses P&P, para penyelidik UTeM diharapkan berupaya digelar sebagai *solution provider* menerusi penghasilan produk-produk penyelidikan yang berinovasi tinggi yang boleh dimanfaatkan secara bersama oleh semua pihak.

7. Kongsikan kemahiran dan pengalaman ini untuk membimbing dan menyokong penyelidik-penyelidik muda Universiti – secara mentor – mentee, sebagai satu pasukan UTeM, supaya satu hari nanti hasil tunjuk ajar tuan puan ini membolehkan mereka semua turut mencapai kecemerlangan dalam bidang penyelidikan, seterusnya dapat menyerlahkan lagi kecemerlangan dan kegemilangan universiti ini.

8. Kejayaan produk penyelidikan ini tidak hanya terhenti di ITEX, MTE dan penyertaan di dalam mana-mana pertandingan inovasi. Cabaran utama adalah, bagaimana cara kita untuk memastikan produk penyelidikan ini terus diketengahkan dan dimanfaatkan oleh semua pihak.

9. Saya berharap supaya UCC dan Pejabat TNCPI terus menyuburkan produk penyelidikan UTeM yang berpotensi tinggi, dengan mendapatkan IP dan mencari *industry takers* yang bersesuaian untuk dikomersilkan.
10. Harapan agar semangat dan budaya penyelidikan di Universiti ini semakin terserlah dan melonjak lebih cemerlang dari masa ke semasa.
11. Sekian, terima kasih.